

27 NOV 1999

Mahathir-Bersyukur

MAHATHIR NASIHAT PAS, JANGAN ANIAYA BANGSA SENDIRI

KANGAR, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan anggota dan penyokong PAS dan Keadilan supaya jangan menganiaya bangsa sendiri hanya kerana mahukan undi penyokong DAP pada pilihan raya umum ini.

Sambil meminta mereka supaya bersyukur, beliau berkata; "Janganlah hanya kerana nak undi penyokong DAP, kamu sanggup sabotaj kaum sendiri."

Ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di padang Majlis Perbandaran Kangar di sini, Dr Mahathir berkata golongan itu tidak sedar bahawa nasib baik mereka itu adalah kerana Umno.

"Orang PAS yang berkelulusan tinggi, yang dapat ke universiti luar negeri...ingatlah...kamu hanya dapat pelajaran, dapat biasiswa dan dapat ke luar negeri sebab Umno mempertahankan keistimewaan (orang Melayu). Kalau tak, kamu terus jadi orang yang kecil dan papa, yang tak punyai pengetahuan dan merana," katanya sambil menerima laungan "Betul" daripada kalangan lebih 4,000 penyokong Barisan Nasional.

Walaupun hujan lebat turun sejam sebelum majlis dimulakan pada pukul 3 petang, orang ramai tetap berkunjung dan masuk ke dalam kawasan padang yang bertukar menjadi seperti bendang itu.

Majlis itu turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan isterinya Datin Seri Shamsiah Mohamed Yassin, dan calon-calon BN.

Dr Mahathir juga berkata apabila Umno mempertahankan keistimewaan orang Melayu, bangsa lain tidak marah kerana mereka mengetahui bahawa hak mereka tidak diambil.

"Kita bukan nak curi dari orang Cina kemudian beri kepada orang Melayu," katanya.

Dr Mahathir juga meminta anggota dan penyokong PAS supaya membuka hati mereka, mendengar dan melihat keadaan sebenar yang berlaku sekeliling mereka.

"Baca al-Quran dan lihat sama ada tafsiran ayat Quran itu sama seperti yang ditafsirkan oleh PAS," katanya sambil menegaskan PAS mengajar orangnya supaya tidak bersyukur, yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Beliau turut menasihati umat Islam supaya terus mengekalkan perpaduan sesama sendiri.

"Kita perlu sebuah kerajaan yang kuat yang boleh bantu kita. Kita tak boleh pecah-belah. Kalau pecah belah, kita jadi lemah. Kita sudahpun lemah. Kalau kita pecah (belah), kita akan lebih lemah," katanya disambut dengan laungan takbir dan "Hidup Umno".

Dr Mahathir juga menerangkan mengenai sejarah penubuhan PAS yang menyebabkan bermulanya perpecahan bangsa Melayu.

Bercakap kepada para wartawan kemudiannya, Perdana Menteri berkata UMNO dan PAS sepatutnya boleh berkerjasama sebagai bangsa seagama tetapi parti pembangkang itu menjadikan Islam sebagai pemisah.

"Dalam bidang politik kita (UMNO dan PAS) boleh berbeza tapi dari segi agama kita tidak harus berbeza," katanya.

Beliau meminta para pemimpin PAS agar tidak menyalahafsirkan agama semata-mata untuk memisahkan diri daripada penyokong UMNO.

"Jangan buat salah tafsiran agama semata-mata kerana nak memisahkan orang UMNO daripada orang PAS... kita boleh sembahyang sama-sama, dengar khutbah sama-sama," katanya.

Bagaimanapun menurutnya, anggota-anggota PAS tidak berusaha ke arah

perpaduan, sebaliknya perbuatan mereka mengundang kepada perpecahan.

Sebagai contoh, katanya, mereka menggunakan khutbah untuk memaki hamun kerajaan tetapi penyokong UMNO tidak meninggalkan masjid semata-mata untuk menyelamatkan perpaduan.

Mengenai perkembangan terbaru BN dalam persediaan menghadapi pilihan raya umum ini, Presiden UMNO dan Pengerusi BN itu berkata bahawa semangat BN bertambah kuat, begitu juga dengan sokongan rakyat.

Ini berbeza dengan parti-parti pembangkang yang mula menampakkan perpecahan.

Beliau turut mengulangi keyakinan bahawa BN akan memperolehi majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum ini.

Katanya, BN juga tidak menghadapi masalah besar di beberapa negeri yang menjadi tumpuan parti pembangkang seperti Perlis, Kedah dan Terengganu malah Kelantan juga boleh ditawan kembali.

Mengenai kedudukan beliau bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu, Dr Mahathir berkata terdapat usaha untuk menjejaskan sokongan rakyat terhadapnya melalui penyebaran fitnah.

-- BERNAMA

TM NMO